SEE LENG YAP

lwn.

LEE MONG LIN & YANG LAIN

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, KUALA LUMPUR
ABDUL RAZAK H
[GUAMAN SIVIL NO. C150 TAHUN 1985]
28 OGOS 1989

KONTRAK: *Penipuan - Menyalahnyatakan - Tuntutan terhadap defendan - Dakwaan bahawa defendan telah melakukan penipuan - Perjanjian menyalahi undang-undang - Plaintif sendiri telah menerima faedah dari kontrak - Sama ada ekuiti menyekat Plaintif dari membawa tindakan guaman - Sikap plaintif tidak membuat apa-apa bantahan terlebih dahulu - Undang-undang menyekatnya dari membawa tindakan.*

Pihak plaintif adalah rakankongsi dengan defendan pertama dalam sebuah Syarikat Nanyang Trading (NTC). Mereka bersetuju melaburkan sebanyak RM60,000 dalam satu Syarikat East Malaysia Trading Co. (EMT) untuk menjalankan perniagaan membalak di Sabah. EMT telah memperolehi satu konsesi balak di Sabah. Plaintif mendakwa bahawa EMT telah mengambil satu pinjaman sebanyak RM250,000 dari Syarikat Interhill Enterprise Sdn. Bhd. dengan menjamin memindahkan konsesi yang telah dibeli oleh EMT. Plaintif membawa tuntutan terhadap defendan dengan mendakwa bahawa:

(i) defendan menggunakan pinjaman sebanyak RM250,000 sebagai modal sahamnya;

(ii) mengurangkan saham NTC;

(iii) menggunakan wang dalam akaun EMT tanpa kebenaran pihak Plaintif;

(v) gagal memberi kira-kira operasi. Pihak plaintif memohon supaya pihak defendan diperintahkan membayar segala keuntungan EMT.

Diputuskan:

[1] Melihat keterangan yang diberi oleh kedua pihak, saksi-saksi kedua pihak dan dokumen-dokumen yang dibentangkan oleh defendan, didapati bahawa pihak plaintif gagal menunjukkan bahawa defendan telah melakukan penipuan dalam urusniaganya dalam Syarikat perkongsian. Maka, pihak plaintif tiada kes terhadap defendan.

[2] Sekalipun, tuntutan pihak plaintif adalah benar, telah dibuktikan bahawa pembelian konsesi oleh pihak defendan telah menyalahi undang-undang. Perundangan menunjukkan bahawa di mana suatu kontrak itu menyalahi undang-undang, mana-mana pihak tidak berhak membuat apa-apa tuntutan terhadapnya dan terbit darinya.

[3] Kesemua pihak, iaitu, pihak plaintif, dan kesemua defendan telah mendapat faedah dari kontrak tersebut, dan mereka disekat dari meminta bantuan dari ekuiti kerana tindakan mereka adalah bersetentangan dengan prinsip Ekuiti.

[4] Tuntutan plaintif bahawa dia telah tertipu dan dipaksa menjual sahamnya tidak dapat dilayani kerana dia tidak membuat apa-apa bantahan terlebih dahulu dan telah menunggu selama 4 tahun lamanya. Perbuatan dan kelambatan plaintif ini melarangnya di sisi undang-undang (estopped) membawa tuntutan dia telah tertipu.

[Tuntutan ditolak.]

Kes-kes yang dirujuk:
Nam Seng & Co. v. Wing Yew Sdn. Bhd. [1978] 2 MLJ 198
Lo Su Tsoon Timber Depot v. Sourthern Estate Sdn. Bhd. [1971] 2 MLJ 161

Bagi pihak plaintif - Tetuan Gill & Tang
Bagi pihak defendan - Tetuan Stanley Ponniah, Ng & Soo

PENGHAKIMAN

Abdul Razak H:

Pihak plaintif di dalam kenyataan tuntutannya berkata bahawa defendan (1) dan seorang bernama Faam Ah Kew sebagai pekongsi di dalam sebuah Syarikat bernama Nanyang Trading, disebut di sini sebagai (NTC), dalam anggaran bulan Julai 1978 telah menjemput pihak plaintif, yang telah menjadi seorang dari pekongsi yang berhak sama rata (equal partner) dengan defendan (1) di dalam Syarikat tersebut. Pada bulan Ogos 1978, atas permintaan pihak defendan (1), NTC telah bersetuju melabur sebanyak RM60,000 di dalam satu perkongsian (partnership), yang diberi nama East Malaysia Trading Co. (disebut di sini sebagai EMT), yang ditubuh oleh defendan (1) untuk menjalankan perniagaan membalak di Sabah. Di dalam bulan Ogos atau September 1978 plaintif telah diberitahu oleh defendan (1) bahawa EMT telah memperolehi satu konsesi balak seluas 1,500 ekar di Sabah yang berharga sebanyak RM300,000. Tabung Modal di dalam EMT pada masa itu, adalah seperti berikut:

NTC	RM 60,000
Tan Kuan Fong	RM 70,000
Tee Ping Sui	RM 50,000
	RM180,000

Mengikut plaintif defendan (1) berkata EMT telah mengambil satu pinjaman sebanyak RM250,000 dari Syarikat bernama Interhill Enterprise Sdn. Bhd. (disebut di sini sebagai "Interhill") dengan jaminannya memindahkan (assign) konsesi yang telah dibeli oleh EMT itu kepada Interhill.

Mengikut plaintif lagi, Defendan (1) telah gagal mendaftarkan EMT. Oleh itu dia telah memperolehi konsesi itu melalui Syarikat Perkayuan Bukit Timur (disebut sebagai SPBT) yang dipunyai oleh defendan (1) dan (2) atau ahli keluarga mereka dan Syarikat tersebut telah mengerjakan konsesi itu bersama dengan sebuah kilang papan. Dari operasi itu, di tanggal 31 Ogos 1979 aset EMT kesemuanya termasuk keuntungan telah terkumpul menjadi sebanyak RM803,723.33, yang mana, setelah dibayar pinjaman sebanyak RM250,000 tersebut kepada Interhill, baki asetnya ialah sebanyak RM553,723.33. Pengurusan dan operasi EMT adalah di dalam jagaan defendan (1) yang telah mensifatkan jumlah RM250,000 yang dipinjam dengan jaminan konsesi itu sebagai modal defendan. Dia juga telah mengurangkan modal Nanyang itu dari RM60,000 kepada RM30,000, menjadikan jumlah modal kesemuanya sebanyak RM400,000 dan dengan itu mengurangkan saham Nanyang di dalam EMT dari kadar 3.3 1/3% berdasarkan kepada RM180,000 kepada 7.5% atas jumlah RM400,000. Seterusnya atas cadangan defendan (1) dan (2), defendan (3) telah ditubuhkan pada 5 Februari 1980 dan pihak plaintif serta defendan (1) dan (2) dan keluarga-keluarga mereka telah menjadi promoter dan pengarahnya. Ekoran dari itu pengeluaran (allotment) modal saham sebanyak 1,000,000 atas harga 1 sen satu saham telah didaftarkan yang disifatkan sebagai telah dibayar. Pihak defendan (1) dan (2) kemudian telah memaksa (caused) Syarikat defendan (3) mengambil alih (take over) konsesi dan kilang papan EMT dengan balasan sebanyak RM10,000 yang telah dijumlahkan sebagai modal (capitalized).

Defendan (1) dan (2) telah mengerjakan konsesi dan kilang papan EMT itu sehingga 5 Februari 1980, tetapi telah gagal memberi kira-kira operasinya di dalam jangka masa itu, dan tanpa persetujuan plaintif telah menyalahgunakan (misappropriated) kesemua asetnya pada 31 Ogos 1979 sebanyak RM553,723.33, bersama-sama dengan segala keuntungan yang terkumpul pada 5 Februari 1980, bagi faedah mereka sendiri. Ekoran dari penipuan menyalahnyatakan (Fraudulent misrepresentation) yang dilakukan oleh pihak defendan (1) itu, plaintif telah memperolehi sebanyak 40,000 saham, di dalam Syarikat defendan (3) atas harga RM71,000 setelah ditolak sebanyak RM9,000 sebagai potongan cukai pendapatan. Kedua-dua defendan telah dengan membuat penipuan atau dengan cara-cara yang tidak diizinkan, (devious means) atau dengan menyalahnyatakan sesuatu, mengambil alih Syarikat defendan (3) dan segala aset EMT. Butir-butir penipuan dan penyalahnyatakan defendan (1) dan (2) itu adalah seperti berikut:

(a) Menggunakan pinjaman sebanyak RM250,000 atas jaminan konsesi itu sebagai modal sahamnya.

(b) Mengurangkan saham Nanyang di dalam EMT daripada RM60,000 kepada RM30,000 dan dengan itu membuat pelaburan Nanyang di dalam EMT menjadi RM150,000.

(c) Meningkatkan modal EMT dari RM150,000 kepada RM400,000.

(d) Menggunakan wang sebanyak RM553,723.33 di dalam akaun EMT itu untuk faedahnya, tanpa kebenaran dari pihak plaintif.

(e) Gagal memberi kira-kira bagi operasi EMT dari 1 September 1979 kepada tarikh konsesi dan kilang papan itu dikatakan diambil oleh defendan (3).

(f) Gagal memberi kira-kira operasi defendan (3) semenjak perniagaannya bermula.

(g) Membuat plaintif mempercayai bahawa defendan (3) telah berjalan dengan rugi.

(h) Bertindak supaya saham defendan (3) dikeluarkan kepada defendan (1) dan (2) dan keluarganya dan dengan itu membolehkan mereka mempunyai 96% penguasaan Syarikat tersebut.

(i) Membolehkan defendan (3) memperolehi konsesi dan kilang papan EMT atas harga RM10,000, iaitu yang terlalu kecil (negligible).

Katanya pihak defendan telah gagal atau enggan, apabila diminta memberi kira-kira EMT atau defendan (3) dan atau gagal memberi keuntungan terhadap Syarikat-syarikat itu.

Bertindak dengan cara menipu, mempengaruhi (induce) plaintif menjual 40,000 sahamnya di dalam Syarikat defendan (3) atas harga RM80,000, sungguhpun defendan mengetahui plaintif berada di Semenanjung Malaysia dan tidak berupaya untuk menyemak urusan defendan (3) yang beroperasi di Malaysia Timur.

Pihak plaintif, oleh itu, memohon supaya defendan:

(a) Memberi kira-kira Syarikat EMT dari tarikh perniagaannya bermula.

(b) Membayar segala keuntungan EMT yang menggambarkan bahagian saham plaintif sebanyak 11%, dari tarikh ia ditubuhkan hingga kepada tarikh konsesi dan kilang papan itu diambil alih oleh defendan (3) pada 5 Februari 1980.

(c) Memberi kira-kira operasi defendan (3) dari 5 Februari 1980 hingga sekarang.

(d) Dipinda daftar, modal saham yang telah diluluskan (issued share capital) supaya menggambarkan pemegang-pemegang saham, semacam mana yang disebut di atas, dan defendan (1) dan (2) diperintahkan membayar segala jumlah yang telah ditipu dibayar kepada mereka dan ahli keluarga mereka.

(e) Membatalkan penjualan saham plaintif kepada defendan sebanyak RM80,000 tersebut atau sebaliknya, aset defendan (3) dinilai oleh pakar penilai yang bebas.

Pihak-pihak defendan mengaku penubuhan Syarikat Nanyang tersebut, tetapi menafikan pelaburan Nanyang di dalam EMT ialah sebanyak RM60,000, cuma RM30,000 sahaja. Katanya SPBT cuma bertindak sebagai kontraktor bagi EMT mengeluarkan kayu balak, di konsesi tersebut. Dia menafikan bahawa konsesi itu telah dibeli dan diperolehi olehnya bagi pihak EMT tetapi sebaliknya konsesi itu telah dibeli oleh defendan sendiri dari sebuah syarikat bernama Ulu Bakau Sdn. Bhd. di bawah satu perjanjian jualbeli bertarikh 31 Mac 1978, sebelum pun pelaburan oleh Nanyang dan caruman oleh pekongsi-pekongsi itu dibuat. Bagaimanapun, katanya caruman (contribution) oleh pekongsi-pekongsi itu adalah sebaliknya seperti berikut:

(1) Lee Moong Lin	RM125,000
(2) Nanyang	RM 30,000
(3) Soh Geok Peng	RM125,000
(4) Tan Kuan Fung	RM 70,000
(5) Tee Ping Sui	RM 50,000
	RM400,000

Defendan (1) berkata pinjaman sebanyak RM200,000 bukan RM250,000 telah diambil olehnya, di bawah namanya sendiri daripada Interhill sebelum pelaburan Nanyang itu dibuat lagi dan konsesi itu tidak digunakan sebagai jaminan bagi pinjaman itu. Pinjaman itu telah dibayar balik oleh defendan (1). Dia menafikan menggunakan pinjaman itu sebagai modalnya di dalam EMT. Dia mengaku menubuh defendan (3) tetapi menafi bertindak membuat defendan (3) mengambil alih konsesi itu dari EMT, kerana konsesi itu tidak boleh dengan resminya dipindahkan kepada siapa-siapasungguhpun defendan (3) telah mengerjakannya. Atau sebaliknya, ia berkata operasi konsesi itu oleh EMT atau defendan (3) adalah menyalahi undang-undang. Katanya, pada tahun 1980 pihak plaintif telah menjual dan menyerah segala hak dan kepentingannya di dalam Nanyang dan EMT dan 40,000 sahamnya di dalam defendan (3) kepada defendan (1) atas balasan sebanyak RM80,000. Katanya, oleh itu, plaintif tidak lagi berhak kepada kira-kira EMT atau defendan (3), malahan tidak mempunyai apa-apa kepentingan atau hak lagi di dalam kedua-dua Syarikat itu. Dia menafikan telah menipu plaintif sepertimana yang dituduh.

Maka ternyatalah dari apa yang kita perhatikan bahawa pertikaian antara kedua pihak berkisar di atas perkara-perkara:

Pertama, bahawa pihak defendan telah memutarbelitkan kira-kira EMT dengan menunjukkan bahawa Nanyang mempunyai modal saham yang kurang dari apa yang sebenarnya.

Kedua, ketidakbetulan itu berlaku kerana pihak defendan telah menggunakan wang yang dipinjam dari Interhill itu sebagai modalnya yang mana telah diperolehinya dengan menggunakan konsesi balak EMT sebagai jaminannya.

Ketiga, aset EMT sebanyak RM553,723.33 telah disalahgunakan bagi faedah defendan, dan tidak memberi apa-apa kira-kira terhadapnya.

Keempat, atas sebab-sebab di atas pihak defendan telah melakukan penipuan.

Cuba kita lihat isu-isu ini satu persatunya. Pertama, berapakah sebenarnya pelaburan NTC di dalam EMT. Plaintif mengatakan RM60,000, tetapi defendan sebaliknya mengatakan RM30,000. Plaintif berkata jumlah sebanyak RM60,000 itu sudah dikurangkan kepada RM30,000 oleh defendan. Tetapi saya lihat saksi plaintif sendiri PW(2) yang telah ditugaskan menyimpan kira-kira EMT telah membentangkan kira-kira bagi Syarikat itu (B23) di mana ternyata jumlah pelaburan NTC ialah cuma RM30,000/- sahaja. Juga, kalau dakwaan bahawa saham modal EMT itu telah dikurangkan, maka seharusnya jumlah baki sebanyak RM30,000 itu ditunjukkan di dalam kira-kira itu, tetapi tidak. Dakwaan yang dibuat oleh pihak plaintif itu jelas telah dinafikan oleh saksinya sendiri. Di dalam kenyataan tuntutannya plaintif tidak pula menyatakan bahawa PW(2) telah ditipu atau dengan apa cara dipaksa oleh defendan membuat kra-kira yang tidak betul di dalam (B23). Plaintif juga berkata adalah tugas defendan mendedahkan segala kira-kira yang ada padanya. Tetapi, tidakkah ini, sepertimana yang kita lihat, telah dilakukan oleh pihak plaintif sendiri, melalui PW(2). Bagaimanapun, ternyata soal samada pelaburan Nanyang itu RM30,000 atau RM60,000 tidak menjadi soal, setakat mana ia melibatkan pihak plaintif, kerana jelas plaintif telah diberi keuntungan atas jumlah pelaburannya sebanyak RM20,000 berasaskan kepada pelaburan NTC sebanyak RM60,000.

Kedua, apakah konsesi itu telah digunakan sebagai jaminan? Sebelum dikaji soalan ini, perlu disoal dahulu samada konsesi itu telah dibeli oleh EMT atau oleh defendan (1) sendiri. Plaintif berkata konsesi itu adalah kepunyaan EMT dari awal-awalpembeliannya lagi kerana defendan (1) telah memberitahunya atas hal ini pada bulan Ogos atau September 1978. Tetapi manakah buktinya. Bahkan bukti sebaliknya ialah suatu Perjanjian jualbeli antara defendan (1) dan Syarikat Ulu Bukau (B9) telah dimetrikan bertarikh 31 Mac 1978, iaitu sebelum pun defendan (1) dikatakan telah bercakap dengan plaintif atas hal ini. Dan, kita juga perhatikan bahawa perjanjian itu bukan antara Bukau dengan EMT, atau defendan (1) bagi pihak EMT, tetapi antara Bukau dengan defendan (1) atas namanya sendiri. Harus diperhatikan juga tarikh perjanjian itu ialah 31 Mac 1978, dan ini tidak dipertikaikan oleh plaintif, yang tidak dapat tidak bertindak menyokong dakwaan defendan (1) bahawa konsesi itu telah dibeli olehnya sendiri. Ini disokong lagi oleh kenyataan bahawa keluarganya sendiri telah membayar harga konsesi itu sebanyak RM300,000. RM150,000 daripadanya telah diterima oleh Syarikat Bukau seperti (B9) itu sendiri menyatakan. Bayaran bagi RM300,000 itu telah dibayar oleh defendan (2) iaitu bapa saudara defendan (1) (M.126). Memang tidak dapat dinafikan bahawa setelah EMT ditubuh, konsesi itu telah diserahkan kepada Syarikat tersebut, semacam mana tujuan EMT bila ditubuh, menghendaki; tetapi, ini seharusnya juga bermakna bahawa jumlah RM300,000 yang telah dibayar oleh defendan itu sendiri menjadi caruman sahamnya di dalam EMT.

Ketiga, adakah pinjaman sebanyak RM200,000/- itu diperolehi setelah konsesi itu dicagarkan sebagai jaminan kepada Interhill. Sepertimana diingat, defendan (1) mengakui ia telah meminjam dari Interhill untuk membeli barang-barang keperluannya bagi SPBT membuat kerja-kerja sebagai kontraktor; tetepi, mengikut plaintif, wang itulah yang telah digunakan oleh defendan untuk menjadikan modalnya di dalam EMT. Di dalam hal ini plaintif mengatakan bahawa pinjaman itu ialah sebanyak RM250,000 bukan RM200,000. Walhal perjanjian itu sendiri menyatakan jumlahnya RM200,000 (B70). Yang menarik perhatian kita ialah kalau plaintif sendiri tidak tahu berapakah jumlah yang sebenarnya dipinjam, bagaimanakah ia pasti wang itu dipinjam oleh EMT? Mengikutnya hal ini telah diberitahu kepadanya oleh PW(2)? Bahkah dia tidak pernah melihat surat perjanjian (B70) itu antara Interhill dan DW(1), cuma menatapnya apabila didedahkan oleh defendan (1) di Mahkamah. Bagaimanakah agaknya plaintif sebenarnya dikatakan tahu wang itu telah dipinjamkan kepada EMT, semacam mana ia mendakwa di dalam kenyataan tuntutannya, jika maklumat itu diperolehinya dari orang lain. Kita tidak dapat tidak harus menyatakan bahawa pinjaman itu bukan diambil oleh EMT tetapi oleh defendan (1) sendiri kerana perjanjian (B70) itu telah dibuat pada bulan May 1978, sebelum pun EMT ditubuhkan. Tetapi, bagaimanapun, soalannya ialah, adakah konsesi itu telah digunakan oleh defendan (1) sebagai jaminan? Tidak ada dalil-dalilnya ke arah ini. Pasal (5) perjanjian itu (B70), tidak menyatakan di mana-mana bahawa wang pinjaman itu diberi atas konsesi itu dijadikan jaminan dan bahawa jika wang itu tidak dibayar jaminan itu akan menjadi hak pihak Interhill. Pasal (7)

cuma menyatakan bahawa jika defendan (1) melanggar syarat-syarat perjanjian, maka wang baki yang masih belum dibayar akan diwajibkan dibayar. Tetapi, tidak disebutkan di situ atas akibatnya kepada konsesi tersebut jika ini berlaku. Seperkaralagi, sekalipun konsesi itu telah menjadi hak EMT yang defendan menafikan, ini tidak semestinya bermakna hutang sebanyak RM200,000 yang dipinjam dari Interhill itu menjadi tanggungan (liability) pihak EMT, melainkan EMT telah menyetujui menerima tanggungan itu atau telah mengiktirafnya kemudian (ratified). Kita tidak didedahkan dengan dalil-dalil ini.

Harus disebut di sini, dalam keterangannya pihak defendan (1) memang ada menyatakan bahawa dia telah menggunakan konsesi itu sebagai jaminan bagi pinjamannya. Tetapi, saya percaya dia telah salah faham atas kedudukan undang-undang yang sebenarnya, berasaskan kepada dalil-dalil yang telah dinyatakan di atas.

Pihak peguam plaintif berkata bayaran bagi pinjaman itu telah dibayar oleh EMT kepada Interhill melalui jualan balak kepada Interhill, memetik apa yang katanya dinyatakan oleh defendan (1) di dalam keterangannya, tetapi apa yang sebenarnya dikatakan oleh pihak defendan (1) di dalam keterangannya (lihat 96E) ialah bahawa pinjaman itu dibayar oleh SPBT dari wang yang diperolehinya sebagai kontraktor membuat kerja-kerja membalak dari konsesi tersebut. Perlu juga diingat bahawa sekiranya wang sebanyak RM200,000 yang diperolehi oleh DW(1) itu adalah sebenarnya wang EMT yang dihutang oleh DW(1), maka tentulah diharapkan bahawa kira-kira EMT (B23) itu (untuk mempastikan ia betul) menunjukkan bahawa pihak defendan telah terhutang sebanyak yang dinyatakan; tetapi ini tidak ada disebut di dalam kira-kira itu, sungguhpun plaintif sendiri mengakui kira-kira itu seharusnya digambarkan (M.25).

Yang Keempat, berapakah modal EMT yang sebenar. Pihak plaintif menyatakan RM210,000 sahaja, tetapi defendan menyatakan jumlahnya RM400,000. Tetapi, bagaimanakah jumlahnya menjadi RM210,000 kalau kira-kira plaintif sendiri di dalam B23 menunjukkan jumlahnya RM400,000? Pihak plaintif telah membuat dakwaan-dakwaan bahawa penipuan telah dilakukan oleh pihak defendan (1) terhadapnya. Setakat mana tuduhan-tuduhan ini bersabit dengan perkara (1), (2), (3) dan empat di atas, kita telah mengkajinya dan jelas dakwaan ini tidak berasas. Jika ada dakwaan-dakwaan yang lain, saya tidak dijelaskan. Kalau ada penipuan tentulah ia terkandung di dalam (B23). Kalau kira-kira (B23) itu tidak betul ia adalah perbuatan PW(2) sendiri.

Kita tidak boleh lari juga dari hakikat Undang-undang bahawa sekalipun tuntutan plaintif itu benar, ia tidak dapat dilaksanakan, memandangkan kepada kedudukan konsesi itu sendiri. kita masih ingat konsesi itu telah dibeli oleh defendan dari Syarikat Bukau, tetapi Syarikat itu tidak dibenarkan di bawah lesennya memindah (transfer) haknya itu ke mana-mana pihak. Autoriti-autoriti adalah jelas menyatakan bahawa pemindahan itu adalah menyalahi undang-undang dan mana-mana pihak tidak berhak membuat apa-apa tuntutan terhadapnya dan terbit darinya (lihat *Nam Seng & Co. v. Wing Yew Sdn. Bhd.* [1978] 2 MLJ P. 198 dan *Lo Su Tsoon Timber Depot v. Southern Estate Sdn. Bhd.* [1971] 2 MLJ P.161). Kesemua pihak yang terlibat di dalam penggunaan lesen itu, iaitu Bukau, EMT, NTC, plaintif dan defendan telah mendapat faedah daripadanya, di dalam suatu perkiraan yang tidak bersih. Jalan keluar bagi pihak-pihak yang terlibat bagi membetulkan kedudukan mereka ialah dengan memohon kepada bantuan Ekuiti. Tetapi, di dalam kenyataan yang dinyatakan bagaimanakah mereka-mereka yang terlibat boleh memohon kepada Ekuiti memulihkan kedudukan mereka kepada yang asal, kerana tindakan mereka adalah bersetentangan dengan prinsip Ekuiti yang berkata sesiapa yang memohon bantuan Ekuiti hendaklah datang dengan tangan yang bersih. (Those who come to Equity must come with clean hands).

Satu perkara lagi yang penting harus dilihat di dalam kes ini. Kita perhatikan pada tahun 1979 plaintif telah menerima jumlah wang sebanyak RM80,000 dari defendan yang mana, setelah ditolak jumlah bayaran cukai pendapatan, berjumlah sebanyak RM71,000 sebagai harga

jualan sahamnya di dalam Syarikat defendan (3), yang telah mengambil di dalam Syarikat defendan (3), yang telah mengambil alih Syarikat EMT. Tidak ada sepatah kata pun dibuat selepasnya oleh plaintif bahawa penjualan itu telah dilakukan olehnya setelah tertipu. Bahkan, tidak ada satu laporan pun dibuat ke pihak polis menyatakan hal itu. Cuma, setelah 4 tahun lamanya selepas itu baharulah tindakan Mahkamah ini diambil mendakwa bahawa ia telah ditipu supaya menjual sahamnya, oleh defendan dan meminta supaya ia (defendan) diperintahkan membuat kira-kira. Pada pendapat saya sikapnya menjual dan menerima saham itu, dengan tidak ada apa-apa bantahan dan mengambil masa yang begitu lama membuat tuntutannya tanpa apa-apa sebab yang munasabah bertindak menyekat (estopped) plaintif daripada bertindak menyatakan ia telah tertipu.

Saya memutuskan oleh itu bahawa tuntutan ini ditolak dengan bayaran kos.

Also found at [1990] 1 CLJ 239